

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
KAWASAN : JELUTONG
TARIKH : 13 MAC 2018
NO. SOALAN : 2

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana kemampuan perniagaan akan terjamin bagi para wakil jualan, vendor dan pembekal bahan komponen bagi Proton Automobil Nasional Sdn. Bhd. (PONSB) setelah kuasa pengurusannya dialih ke pihak Geely dari Negara China, yakni pemegang saham 49.9% syarikat tersebut. Apakah tindakan berpadu antara Kerajaan Pusat, Geely dan DRB-Hicom dalam menyelesaikan masalah-masalah mereka jika agenda Bumiputera tidak terbantut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 23 Jun 2017, PROTON telah menyempurnakan perjanjian perkongsian strategik dengan Geely dengan penjualan ekuiti sebanyak 49.9%. Perjanjian ini bertujuan memulihkan prestasi keseluruhan dan mengukuhkan kedudukan PROTON sebagai satu-satunya pengeluar automotif penuh (*full-fledged automotive manufacturer*) di Malaysia dan ASEAN.

3

Perkongsian strategik merupakan amalan semasa di antara syarikat pengeluar kereta (OEM) bagi meningkatkan daya saing syarikat, sebagai contoh:

- Kumpulan Toyota: Toyota, Daihatsu, Lexus
- Kumpulan Nissan: Nissan, Mitsubishi, Renault
- Kumpulan Volkswagen: Volkswagen, Audi, Skoda, Seat, Porsche
- Kumpulan PSA: Peugeot, Citroen, DS Automobiles

Sasaran utama perkongsian strategik bagi PROTON adalah untuk mengembalikan prestasi positif PROTON secara keseluruhan, merangkumi pasaran tempatan dan antarabangsa. Tumpuan utama adalah untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif pemulihan demi menghasilkan prestasi yang lebih baik dalam jangka masa terdekat, serta mencapai pertumbuhan yang mampan.

PROTON akan mendapat pelbagai manfaat lain antaranya termasuk dari segi perkongsian platform, membantu menjalankan operasi domestik yang lebih besar yang membawa kepada skala ekonomi (*economies-of-scale*) yang lebih berdaya maju dan juga memperluaskan pasaran dengan menembusi pasaran sedia ada Geely di China, rantau ASEAN, Timur Tengah dan Afrika Utara bagi membolehkan PROTON meningkatkan jualan kepada 500,000 unit setahun untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Manfaat perkongsian strategik ini tidak akan terhad kepada warga PROTON sahaja malah kepada semua yang terlibat dalam ekosistem industri automotif. Sebagai contoh, vendor tempatan berpeluang untuk mendapat kerjasama teknikal bagi meningkatkan daya saing dan penglibatan dalam supply chain Geely dan pasaran eksport serantau.

Wakil niaga dan servis tempatan pula berpeluang meningkatkan keuntungan perniagaan dengan kehadiran rangkaian produk baharu yang lebih menarik kepada pelanggan dan mengguna-pakai amalan operasi terbaik dari Geely. Namun begitu, untuk mendapatkan manfaat-manfaat ini, vendor tempatan masih perlu memenuhi standard yang ketat dan kos, kualiti dan prestasi pembekalan bagi memastikan PROTON terus kekal berdaya saing.

Kerajaan sentiasa memantau perkembangan semasa PROTON termasuk mengadakan perbincangan yang kerap dengan pihak berkenaan dalam keseluruhan ekosistem PROTON seperti DRB-HICOM, Geely, vendor dan pengedar.

Bagi memastikan kesinambungan dalam rantai bekalan PROTON, keutamaan akan diberikan kepada pembekal-pembekal sedia ada PROTON merangkumi syarikat-syarikat tempatan serta syarikat-syarikat antarabangsa yang beroperasi di Malaysia. Keutamaan seterusnya akan diberikan kepada pembekal-pembekal sedia ada Geely melalui perkongsian strategik dengan syarikat-syarikat tempatan.

Sehingga 31 Januari 2017, sejumlah 217 vendor terus aktif dalam aktiviti-aktiviti perniagaan bersama PROTON. 53% daripadanya adalah para pembekal tempatan yang mana operasi mereka lebih tertumpu kepada komponen-komponen struktur & badan luaran, hiasan dalam kabin dan rekabentuk casis. Pada masa ini, sejumlah 47 pembekal tempatan PROTON telah mengadakan perbincangan dengan pembekal-pembekal Geely di China bagi menjalankan kajian terperinci merangkumi aspek teknikal dan komersil. Pembekal-pembekal baharu

5

akan turut diberikan pertimbangan sekiranya dapat memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Kerajaan turut dimaklumkan bagi pemulihan semula PROTON, pengurusan tertinggi baharu PROTON telah merangka pelan lima tahun dengan mensasarkan pengeluaran kenderaan sebanyak 200,000 buah kenderaan menjelang tahun 2020. Sasaran ini didapati masih jauh kerana hanya sebanyak 70,991 buah kenderaan dapat dijual pada tahun 2017.

Proses transformasi PROTON turut memerlukan anjakan radikal yang melibatkan pihak vendor dan pengedar tempatan. Kerajaan telah menjalankan beberapa langkah bagi memitigasi impak transformasi PROTON ke atas vendor dan pengedarnya termasuk Menteri MITI bertindak sebagai *mediator* dalam menyelesaikan segala permasalahan melibatkan antara PROTON, vendor dan pengedarnya

Susulan dari beberapa perbincangan yang diadakan, satu kertas cadangan telah dibentangkan kepada Majlis Ekonomi pada 19 Februari 2018. Antara cadangan yang telah diluluskan adalah berkenaan pemberian pinjaman mudah (*soft loan*) dan geran sepadan (*matching grant*) untuk membolehkan vendor dan pengedar untuk menambahbaik operasi mereka selari dengan kehendak transformasi PROTON. Mekanisme pelaksanaan cadangan ini sedang diperhalusi dan akan diumumkan kepada vendor dan pengedar dalam masa terdekat.

Kerajaan berharap langkah-langkah yang telah diperkenalkan bagi memitigasi masalah vendor dan pengedar termasuk agenda Bumiputera, dapat membantu dalam menyokong pelan transformasi

bagi memulihkan perniagaan syarikat PROTON. Ini dijangka akan menjadikan PROTON sebuah syarikat yang berdaya saing dan mampu meningkatkan syer pasaran domestik serta menembusi pasaran eksport. Seterusnya, kejayaan pemulihan ini akan memberikan faedah kepada semua rakyat Malaysia termasuk menjamin kemampuan perniagaan para wakil jualan, vendor dan pembekal bahan komponen PROTON.